

16/04/1997

Pemuda Selangor kesal kenyataan Rafidah

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno Selangor kesal dengan kenyataan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz yang mendesak bekas Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib melepaskan jawatan Naib Presiden parti itu.

Ketuanya, Soohaimi Abdul Rahman, berkata tindakan Rafidah itu adalah bertentangan dengan semangat keputusan Majlis Tertinggi (MT) yang tidak mendesak Muhammad meletakkan beberapa jawatan dalam Umno dan Barisan Nasional (BN).

"Sebagai ahli MT, beliau (Rafidah) perlu mencerminkan dirinya dahulu sebelum mendesak pihak lain berbuat demikian. Kami kesal atas komen yang diberikannya.

"Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa bekas Menteri Besar itu melepaskan jawatannya, termasuk sebagai Pengerusi Perhubungan Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan, adalah atas kehendak sendiri.

"Ia bukan atas desakan MT dan kerana itu, keputusannya wajar dihormati," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Semalam, Rafidah berkata Muhammad sepatutnya meletakkan semua jawatannya, termasuk tiga yang masih disandang iaitu jawatan Naib Presiden Umno, Ahli Dewan Undangan Negeri Batang Kali dan Ketua Umno Bahagian Hulu Selangor.

Menurut bekas Ketua Wanita Umno itu, alasan Muhammad bahawa beliau dilantik ahli parti bagi memegang jawatan itu tidak kukuh.

Soohaimi juga berkata, Pemuda Umno Selangor berkeyakinan penuh terhadap pucuk pimpinan parti dan Perdana Menteri dalam usaha menyelesaikan spekulasi berhubung pengganti Muhammad.

(END)